



BERGAMBAR BERSAMA Selesai Majlis Penutupan Konvensyen Prospek Profesional Malaysia yang berlangsung di Dewan Resital UMS, Sabtu lalu.

Graduan holistik, ceburi bidang keusahawanan

NST 12.2.2018 6

KOTA KINABALU: Graduan diseru untuk melihat peluang membina kerjaya melalui bidang keusahawanan bagi menjamin peluang pekerjaan.

Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Universiti Malaysia Sabah, Zawawi Tiyunin berkata graduan lepasan universiti mampu mencipta kerjaya sendiri dengan menceburi bidang tersebut.

"Graduan sememangnya mampu mencipta peluang kerjaya sendiri dengan menceburi bidang keusahawanan."

"Bidang ini dilihat dalam pelbagai peluang yang boleh diceburi oleh graduan sama ada menjalankan perniagaan ataupun perkhidmatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen Prospek Profesional Malaysia yang berlangsung Sabtu lalu di Dewan Resital, UMS.

Jelasnya, bidang keusahawanan merupakan sebuah bidang yang menjanjikan peningkatan ekonomi negara sekaligus memperbaiki taraf hidup masyarakat.

Katanya, graduan perlu lebih bersifat menerima dan melihat peluang yang dijanjikan oleh bidang tersebut.

"Graduan perlu membuka minda, berfikiran jauh ke hadapan sekaligus mampu mencipta idea kritis dan kreatif bagi memastikan kebolehpasaran diri mereka," tambah beliau.

Konvensyen tersebut dijalankan dengan kerjasama Kelab Rakan Pustaka UMS dan Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM).

Seramai 120 peserta terdiri daripada pelajar Asasi UMS, Universiti Teknologi Mara (UiTM), SMK All Saints, Kolej Tingkatan Enam dan Institut Tahfiz Al-Quran Sabah (ITQAS) terlibat dalam konvensyen yang berlangsung selama sehari itu.

Tujuan utama penganjuran konvensyen tersebut adalah menyahut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 iaitu bagi melahirkan graduan holistik dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan seimbang. -OLEH: NOOR ZAFIRA SHAFIE